

Perosak parti akan didakwa: Samy Vellu

BH 16/7/03

TAIPING: MIC akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang cuba merosak serta menjatuhkan imej parti itu, kata Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Katanya, ada sekumpulan yang berkepentingan politik merancang menghalang pelaksanaan pembinaan Institusi Perubatan Sains dan Teknologi Asia (AIMST), projek parti itu yang kini sedang dibina di Sungai Petani, Kedah.

Beliau yang menyifatkan kumpulan berkenaan sebagai pengkhianat masyarakat India dan MIC berkata, parti langsung tidak berasa terancam dengan tindakan kumpulan terbabit.

"Malah, kita akan lebih giat menyiapkan pembinaan institut itu," katanya selepas majlis pungutan tabung AIMST, di sini semalam.

Mengulas lanjut perkara itu, Samy yang juga Menteri Kerja Raya berkata, kumpulan berkenaan cuba menggunakan prosedur mahkamah untuk menghalang usaha memungut derma tabung bagi pembiayaan pembinaan institusi berkenaan.

Malah, kumpulan itu cuba mempolitikkan isu pungutan derma dalam usaha menggagalkan projek berkenaan tetapi MIC sudah mengenal pasti mereka yang menjadi dalang usaha itu.

Samy Vellu berkata, projek bernilai RM450 juta itu dibina bagi memberi peluang kepada anak watan menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi dalam negara.

Pada majlis itu, sebanyak RM74,600 berjaya dikumpul dengan RM35,000 adalah daripada ahli Parlimen Taiping, Datuk Seri Kerk Choo Ting yang juga Timbalan Presiden Gerakan.

Samy Vellu berkata, jumlah keseluruhan pungutan tabung yang diterima setakat ini sebanyak RM175 juta, termasuk RM50 juta peruntukan khas daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam isu berkaitan, Samy Vellu berkata, kerajaan Kedah sudah meluluskan tanah seluas 60 hektar bagi pembinaan bangunan Program Siswazah Lanjutan Kedokteran bersama Bristol Universiti England di AIMST.

MIC menganggarkan sebanyak RM35 juta akan dibelanjakan bagi membina bangunan dan melaksanakan program terbaru itu.